

06 MAY 1998

Law-Akta

KABINET LULUS PINDAAN AKTA UNTUK BENDUNG PEMBAKARAN TERBUKA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Kabinet telah meluluskan cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) untuk memastikan pemilik tanah dan mereka yang menduduki tanah bertanggungjawab terhadap pembakaran terbuka atas tanah mereka.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini berkata, pindaan itu juga menyatakan yang denda bagi pembakaran terbuka dinaikkan dari RM100,000 kepada RM500,000. Pindaan itu akan dibentangkan dalam sidang Parlimen sekarang ini.

"Mereka akan diberi peluang untuk membela diri dalam membuktikan yang pembakaran terbuka itu dilakukan dengan tidak sengaja, mereka tidak membenarkannya (untuk memulakannya), ataupun perbuatan itu dilakukan oleh orang lain.

"Mereka juga harus membuktikan yang tindakan segera diambil untuk memadamkan kebakaran itu setelah mengetahuinya," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Di bawah pelan asal, Jabatan Alam Sekitar (DOE) telah mencadangkan supaya tindakan diambil terhadap pemilik tanah yang menjalankan aktiviti pembakaran terbuka.

Law berkata, seksyen 44 EQA juga akan dipinda supaya Jabatan Alam Sekitar hanya boleh meneruskan pendakwaan selepas menerima surat persetujuan daripada pendakwaraya.

Ini supaya ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa mengesan 264 kes pembakaran terbuka di seluruh negara dari 8 April hingga semalam.

Daripada jumlah itu 103 membabitkan hutan, ladang dan belukar (72), tapak pembinaan (12), tempat pelupusan sampah (32) dan industri (45).

Beliau juga berkata, Kabinet telah mengeluarkan arahan yang semua bangunan tinggi dipasang dengan sistem penyiram air secepat mungkin untuk mengurangkan habuk yang terampai dalam udara dan juga suhu yang rendah.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mencadangkan yang pancutan air dibuat di tasik-tasik lombong yang tidak digunakan untuk mengurangkan habuk dan suhu di tempat-tempat tertentu," katanya.

Law berkata, ujian yang dijalankan menggunakan sistem penyiram di menara berkembar KLCC semalam menunjukkan habuk terampai boleh dikurangkan dari 7 hingga 90 peratus bergantung kepada saiznya.

Beliau berkata, 7,115 liter air yang disiram selama 53 minit dari tingkat 44 menara berkembar itu berjaya mengurangkan suhu di kawasan itu sebanyak lima darjah celsius.

Menteri itu berkata, ujian yang lebih kurang sama mungkin dijalankan di Menara Kuala Lumpur sebelum Rabu depan.

Beliau juga berkata, satu pertemuan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) akan diadakan pada 12 Mei untuk meninjau bagaimana mereka boleh membantu kerajaan dalam menangani masalah seperti pembakaran terbuka dan persekitaran berasap.

Dalam hal lain, beliau berkata imej satelit di enam kawasan tadahan air di Selangor telah disampaikan kepada Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar.

Law berkata gambar-gambar itu yang diambil pada 28 Jan lepas, akan membolehkan pihak terbabit untuk menilai sejauh mana pembangunan berjalan

di kawasan itu yang mungkin telah menjejaskan hujan di kawasan itu.
-- BERNAMA
MAM PR